

# Kematian akibat taufan melebihi 22,000

SINAR 7/5/08  
1021

## Myanmar tangguh pungutan suara

Disifatkan bencana alam paling dasyat pernah melanda Myanmar.

**YANGON** - Jumlah kematian daripada taufan di Myanmar melebihi 22,000 orang, menurut kerajaan Myanmar, dengan sekurang-kurangnya 10,000 orang terkorban di bandar Bogalay, menurut laporan.

Mereka yang terselamat terputus bekalan elektrik selepas taufan yang melanda yang turut menyekat jalan-jalan dengan ribuan pokok yang tumbang.

Para diplomat diarahkan untuk menghadiri taklimat ringkas kerajaan ketika negara pimpinan junta tentera tersebut mengeluarkan rayuan yang jarang-jarang berlaku untuk memohon bantuan antarabangsa ketika berhadapan dengan krisis kemanusiaan yang semakin meningkat.

Darurat diisytiharkan di seluruh negara berikutan ribut 10 jam pada hujung minggu yang menyebabkan kemusnahan yang tidak dijangka.

Jumlah kematian yang melebihi 22,000 orang menjadikan taufan itu sebagai bencana alam paling buruk yang melanda Myanmar, menurut angka yang dikumpulkan



Sebahagian penduduk Yangon tetap menjalankan kegiatan harian walaupun dikhuatri taufan akan melanda semula.

oleh pangkalan data bencana Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Jumlah tersebut mengatasi jumlah ribut kencang pada tahun 1926 yang menyebabkan kira-kira 2,700 orang terbunuh di negara tersebut, menurut pangkalan data itu.

Penilaiannya agak buruk, Kyi Min dari kumpulan bantuan antarabangsa World Vision memberitahu semalam.

"Ia mampu menjadi lebih buruk dari tsunami," ujar Minn, dengan membandingkan kesan taufan itu dengan tragedi tsunami 2004.

Minn berkata kesemua air minuman bersih, makan-

an, ubat dan perlindungan berada pada premium di selatan Myanmar.

Kerajaan jiran Thailand berkata pemimpin Myanmar telah pun memohon makanan, bekalan ubat dan alatan pembinaan. Pesawat pertama yang penuh dengan bekalan tiba semalam, menurut seorang jurucakap Thailand.

Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon dalam satu kenyataan berkata, beliau begitu sedih dengan kehilangan nyawa yang berlaku dan kemusnahan hidup rakyat Myanmar dan menggesa mobilisasi bantuan antarabangsa dengan segera.

Pasukan Koordinasi dan Penilaian Bencana PBB kini bersedia untuk membantu kerajaan dalam respons kepada keperluan kemanusiaan jika ianya diperlukan, menurut kenyataan.

Tempat kejadian menunjukkan banjir masih terus berlaku, bot-bot tersadai di pelabuhan di Yangon, bumbung-bumbung bangunan hilang, pokok-pokok dan tiang-tiang elektrik juga telah tumbang selepas taufan Nargis melanda delta Irrawaddy dengan kelajuan angin 240 kilometer sejam pada malam Jumaat dan pagi Sabtu lalu diikuti dengan hujan lebat.

- **YANGON** - Myanmar menangguhkan satu pungutan suara perlembagaan di kawasan yang terjejas teruk akibat satu taufan yang dilaporkan menyebabkan lebih 15,000 orang maut.
- Radio kerajaan berkata, undian Sabtu lalu berkenaan dengan draf perlembagaan tidak akan diadakan sehingga 24 Mei di 40 bandar di Yangon dan tujuh kawasan di delta Irrawaddy.
- Radio Myanmar melaporkan taufan pada hujung minggu menyaksikan lebih 15,000 orang terbunuh di Irrawaddy, dengan jumlah kematian kecil di sekeliling dan di dalam bandar Yangon.
- Menteri Luar Nyan Win bimbang jumlah yang terkorban bakal meningkat.